

# Proses peralihan jawatan Presiden kepada Tun Mahathir tergantung

**PETALING JAYA:** Perhimpunan Agung Tahunan Parti Bumi-putera Perkasa Malaysia (Putra) dan pemilihan pimpinan tertinggi yang bakal menyaksikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dipilih sebagai Presiden masih tergantung apabila tiada sebarang tarikh ditetapkan.

Difahamkan, parti itu masih berdepan kesukaran memilih tarikh dan lokasi yang sesuai untuk mengadakan pemilihan, manakala tarikh yang dijadual sebelum ini berdepan pelbagai kekangan sehingga mengakibatkan Putra terpaksa menangguhkan rancangannya.

Sebelum ini, pimpinan parti dijadual mengadakan mesyuarat agung bahagian 7 Mac lalu dan telah selesai, pemilihan barisan kepimpinan pula pada 8 April ini diikuti persidangan



**DR. Mahathir Mohamad menerima kad ahli parti Putra daripada Ibrahim Ali di Putrajaya pada 1 Mac lalu.**

perwakilan peringkat pusat pada 7 Mei lalu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Putra, Datuk Ibrahim Ali berkata, beliau jangka mengadakan mesyuarat

parti minggu depan sama ada menetapkan tarikh tertentu untuk proses pemilihan atau memohon penangguhan enam bulan kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS).